

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA  
[ BAKRI – DAP ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2015**

**SOALAN (NO. 54)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah "*locus standi*" yang membenarkan PESAKA menjadi penganjur himpunan yang jelas bermotifkan politik dan sarat dengan mesej ancaman perkauman. Apakah fungsi dan peranan Pesuruhjaya Sukan? Apakah tindakan Pesuruhjaya Sukan terhadap PESAKA?

## **JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PESAKA merupakan badan sukan yang sah berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan dan tertakluk pada Akta Pembangunan Sukan (APS) 1997 serta perlembagaan badan sukan tersebut yang berperanan dalam melaksanakan dan membangunkan aktiviti sukan berkaitan silat.
2. APS 1997 jelas menyatakan di bawah seksyen 2, aktiviti sukan termasuklah penganjuran pertandingan, seminar, klinik atau kursus untuk suatu sukan, penghantaran peserta ke pertandingan atau acara sukan, apa-apa aktiviti lain yang bersampingan atau berkaitan dengan suatu sukan dan tidak melibatkan penganjuran himpunan berunsurkan politik.
3. Pesuruhjaya Sukan berperanan sebagai pentadbir akta yang berfungsi untuk mengawal selia tadbir urus PESAKA sebagai badan sukan serta boleh membatalkan dan menggantung pendaftaran PESAKA melalui kuasa yang diperuntukkan dalam APS 1997 di bawah Seksyen 20.
4. Selain itu, PESAKA boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 39 bagi kesalahan-kesalahan am iaitu boleh dikenakan penalti tidak melebihi RM5,000.00 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya oleh Pesuruhjaya Sukan sekiranya didapati telah melanggar mana-mana peruntukan Akta atau peraturan di bawahnya.

Sekian, terima kasih.